

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 1 & 2

### Upah pekerja Malaysia rendah

# UPAH PEKERJA MALAYSIA RENDAH

- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengesahkan kadar upah pekerja di Malaysia masih lagi di tahap rendah kerana belum mencapai sasaran kerajaan sebanyak 40 peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).
- Kadar upah tersebut masih rendah berbanding negara Asia dan Asia Tenggara yang lain seperti di Singapura, Filipina dan Korea Selatan manakala, kebanyakan negara maju seperti Amerika Syarikat dan Australia mempunyai kadar upah pekerja melebihi 40 peratus daripada KDNK.
- Pada masa sama, harapan pekerja Malaysia untuk menyaksikan kenaikan kadar gaji tahun ini meningkat sehingga 20 peratus sebagaimana unjuran badan penyelidikan ekonomi bebas, Randstad mungkin sekadar tinggal harapan kerana sukar dicapai.

# Upah pekerja belum capai sasaran



KHAIRIL  
ANWAR  
MOHD  
AMIN

NURUL  
NABILA  
AHMAD  
HALIMY



"Menurut Laporan Kaedah Pendapatan KDNK tahun 2021, kadar upah dan gaji pekerja menunjukkan peningkatan sebanyak 1.3 peratus daripada 35.8 peratus pada tahun 2018 kepada 37.1 peratus pada tahun 2020.

"Namun, pada tahun 2021, kadar upah dan gaji pekerja jatuh sebanyak 2.6 peratus daripada 37.1 peratus (2020) kepada 34.8 peratus (2021) dengan jumlah RM537.9 bilion.

"Pertumbuhan kadar upah dan gaji pekerja dalam KDNK sehingga tahun 2020 sangat positif. Namun, kita masih belum mencapai 40 peratus seperti yang disaraskan oleh kerajaan," katanya kepada *Sinar Premium*.

Jelas beliau, kadar upah pekerja di Malaysia masih rendah berbanding negara Asia dan Asia Tenggara yang lain seperti Singapura, Filipina dan Korea Selatan.

"Pada tahun 2021, upah pekerja di Malaysia adalah yang paling rendah berbanding Filipina dengan 36.7 peratus daripada nilai KDNK, Singapura (39.4), dan Korea Selatan (47.9).

"Manakala, kebanyakan negara-negara maju mempunyai kadar upah

Masih rendah berbanding negara Asia lain seperti Singapura, Filipina dan Korea Selatan

SHAH ALAM

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengesahkan kadar upah pekerja di Malaysia masih lagi di tahap rendah kerana belum mencapai sasaran kerajaan sebanyak 40 peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).


Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, tiada perubahan drastik dalam trend upah pekerja Malaysia kepada KDNK yang mana peratusan sumbangannya adalah sebanyak 34.8 sehingga 37.1 peratus.

**PREMIUM**  
Sinar

Eksklusif dan Kritis

INFOGRAFIK: NURUL AMALINA ABD MUTALIB

## PERBELANJAAN UPAH & GAJI PEKERJA MENGIKUT SEKTOR



Sumber daripada Laporan Kaedah Pendapatan KDNK tahun 2021 diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah menunjukkan perbandingan mengikut sektor pada tahun 2020 dan 2021.

pekerja melebihi 40 peratus iaitu Amerika Syarikat dengan 54.2 peratus, Australia (47.7), dan Afrika Selatan (46.0) pada tahun yang sama," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Uzir berkata, sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada keseluruhan perbelanjaan upah dan gaji pekerja di Malaysia.

Menurutnya, bayaran kepada pekerja merangkumi saraan dalam bentuk wang tunai atau bukan tunai, yang perlu dibayar oleh sebuah perusahaan kepada pekerja sebagai balasan bagi kerja-kerja yang telah dilakukan dalam tempoh perakaunan.

"Sektor perkhidmatan menyumbang 62.8 peratus, yang mana lebih rendah berbanding 63.5 peratus yang direkodkan pada tahun 2020. Sementara itu, sumbangan sektor pembinaan meningkat kepada 23.3 peratus, berbanding 22.5 peratus pada tahun 2019.

"Sektor pembinaan pula menyumbang 7.5 peratus, diikuti oleh sektor pertanian 4.3 peratus dan perlombongan dan pengkuaran sebanyak dua peratus pada tahun 2021," katanya.

Dalam pada itu, upah dan gaji pekerja telah merekodkan pertumbuhan positif sebanyak 2.6 peratus pada tahun 2021 daripada penurunan 3.0 peratus pada tahun sebelumnya.


"Kita lihat pada tahun 2021, upah dan gaji pekerja memberi sumbangan terbesar dalam sektor pembinaan dengan 72.6 peratus diikuti perkhidmatan (40.3), pembuatan (34.6), pertanian (15.7) dan sektor perlombongan serta pengkuaran menyumbang 8.6 peratus," katanya.

Biarupn kadar pertumbuhan upah dan gaji pekerja menunjukkan perkembangan positif, ia menyusut dengan marginal sebanyak 0.9 peratus berbanding pra-pandemik pada tahun 2019.

"Cukai bersilang merosot lapan peratus berbanding negatif 30.2 peratus pada tahun 2019. Penyusutan yang sedarhara ini didorong oleh cukai ke atas pengeluaran dan import yang lebih tinggi.

"Sementara itu, subsidi berkembang 28.7 peratus berikutan pelbagai pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh kerajaan ketika itu bagi merancakkan lagi ekonomi domestik," katanya.

## PERATUS PERBELANJAAN UPAH & GAJI PEKERJA KEPADA KDNK



Sumber daripada Laporan Kaedah Pendapatan KDNK tahun 2021 diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan kekal sebagai peratusan terbesar perbelanjaan upah dan gaji pekerja kepada KDNK di Malaysia.



MOHD UZIR